

31/05/1997

Tugas berat pada pekerja muda

H H

MINGGU ini kita nak bercakap sedikit mengenai pembaziran tenaga buruh dan manfaat yang ada untuk pesara kita.

Ketam Batu bangkitkan perkara ini kerana Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Dr Mazlan Ahmad, sendiri baru-baru ini sendiri bercakap mengenai pembaziran itu. Kata beliau, kecenderungan mengambil orang muda melakukan tugas mudah seperti pengutip tol dianggap pembaziran tenaga buruh. Ketika negara menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja, memang sepatutnya golongan muda diberi tugas lebih mencabar kerana mereka mempunyai banyak tenaga dan kemampuan.

"Tugas memungut tol sepatutnya dilakukan oleh golongan yang sudah berumur kerana pekerjaan itu mudah dan tidak memerlukan banyak tenaga. Ketika lawatan ke Jepun, saya mendapati tugas memungut tol di lebuh raya dilakukan oleh orang tua atau pesara. Bagaimanapun, tugas memungut tol di lebuh raya di negara ini dilakukan oleh orang muda. Ini suatu pembaziran kerana tenaga mereka boleh digunakan untuk tugas lain," katanya baru-baru ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Clifford Herbert pun pernah kata macam itu tahun lalu. Golongan muda tidak wajar diberikan tugas yang ringan seperti mengutip tol kerana ia membazirkan sumber manusia tempatan. Sebaliknya, mereka digunakan di sektor yang dinamik yang boleh membantu mengatasi kekurangan buruh. Kita percaya bukan Herbert saja yang fikir demikian malah ramai yang dah terfikir macam itu.

Memang betul kata kedua-dua mereka. Remaja zaman sekarang memilih kerja. Mereka cari yang senang saja. Mereka tidak mahu buat kerja yang berat, yang sepadan dengan tenaga yang ada.

Bagaimanapun, kita juga tidak dapat pastikan sejauh mana kerja seperti mengutip tol itu mahu dilakukan oleh pesara. Mungkin ada yang mahu dan mungkin tidak. Masalahnya sekarang, kita tidak tahu mereka sanggup atau tidak kerana sehingga kini tidak ada syarikat swasta yang menawarkan kerja itu kepada mereka!

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan tahun baru 1996 mengumumkan kerajaan merancang menggunakan khidmat pesara kerajaan, swasta dan suri rumah bagi mengurangkan pergantungan pekerja asing yang dijangka meningkat kepada 2.3 juta pada tahun 2000.

Kita yakin ramai yang minat kerja semula lebih-lebih lagi yang sudah lama sangat duduk di rumah. Dengan cadangan itu, mereka juga merasakan orang bersara pun mampu beri sumbangan besar kepada pembangunan negara. Sudah tentulah mereka tidak mampu buat kerja buruh kasar seperti yang dilakukan oleh buruh asing. Tetapi mungkin boleh buat kerja penyeliaan dan pentadbiran ringan yang kini sudah semakin ramai diceburi oleh rakyat asing.

Lantaran cadangan Perdana menteri, lapan bulan selepas itu JPA keluarkan satu pekeliling perkhidmatan. JBA mewujudkan program untuk membantu pesara awam bekerja di sektor swasta.

Menurut pekeliling itu, kerajaan sudah meminta majikan firma swasta mengenal pasti kekosongan jawatan di syarikat masing-masing yang sesuai diisi oleh pesara. Maklumat itu disebarkan kepada semua Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia. Mereka diminta mengisi borang khas.

Jabatan Tenaga Rakyat dikatakan akan menghubungi pesara atau bakal pesara yang mendaftar untuk memaklumkan jawatan yang sesuai dengan kelayakan serta pengalaman.

Bagaimanapun kita tidak tahu setakat ini berapa ramaikah pesara yang benar-benar menyahut saranan untuk bekerja semula. Mungkin ramai yang mahu kerja tetapi tidak ada syarikat swasta yang mahu ambil mereka. Ataupun banyak syarikat swasta yang tawarkan kerja kosong, tetapi orang pencen itu sendiri yang tidak mahu kerja.

Kita tidak tahu, yang mana keadaan sebenar. Kita harap JPA boleh beri penjelasan mengenai perkara ini. Jika jelas sektor swasta kurang positif terhadap cadangan Perdana Menteri itu, bolehlah kita buat sesuatu. Mungkin menteri boleh keluar arahan baru. Mungkin juga dibuat peraturan khas terhadap mereka supaya setiap syarikat swasta diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya lima pekerja yang bersara.

Jika sebaliknya iaitu pesara sendiri yang tidak tunjuk minat, tidak perlulah kita merungut kononnya anak-anak muda kita tidak mahu buat kerja berat sebab yang ringan dan ditawarkan kepada pesara pun, mereka tidak mahu menerimanya.

Jika ini berlaku, kita hanya boleh buat kenpen galakan saja untuk pastikan mereka mahu bekerja lagi selepas bersara.

Kita pun tidak boleh paksa sangat supaya orang pencen ini bekerja semula selepas bertahun-tahun melakukannya. Mungkin ini masanya mereka mahu berehat.

Lagipun sekarang macam-macam skim instrumen kewangan ditubuhkan untuk membolehkan mereka menerima pendapatan walaupun tidak bekerja. Dua hari lalu, pada satu rancangan televisyen, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Datuk Mohd Fadzli Yusof ada jelaskan mengenai Takaful Ma'asyi iaitu satu skim untuk orang pencen menampung keperluan kewangannya sehingga berumur 100 tahun.

Skim itu memang baik jika mereka tidak mahu bekerja lagi selepas mengeluarkan caruman dalam Takaful. Namun kalau mereka masih mahu bekerja, tentunya mereka akan mendapat pendapatan yang lebih.

Bagaimanapun untuk orang muda, perlu kita mempunyai pandangan terbuka bahawa cadangan kerajaan untuk ambil pesara bekerja secara langsung untuk ingatkan mereka supaya malu dengan diri sendiri dan tidak terlalu memilih kerja terutama yang menggunakan tenaga dan kemahiran.

Jika mereka terus bersikap sedemikian, tempat dan peluang mereka bukan saja diambil oleh orang asing, malah oleh ibu bapa mereka yang bersara.

(END)